



DR. DAING Nasir Ibrahim (tengah) bersama barisan penceramah *Utusan Malaysia* dan 42 pegawai serta kakitangan UMP yang menyertai bengkel penulisan asas kewartawanan di Kampus Gambang, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

Mendalami ilmu kewartawanan

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
dan ZAMZURINA AHMAD
kampus@utusan.com.my

MENJADI wartawan yang baik perlu dilatih dengan kemahiran penulisan sementara yang profesional perlu mempelajari selok-belok nahu dan bahasa dengan betul.

Golongan itu juga mesti banyak membaca dan mengikuti perkembangan semasa dunia.

Kebanyakan wartawan yang dikenali di negara ini datang daripada pelbagai latar belakang, minat dan kelulusan.

Tidak semua mereka datang daripada jurusan kewartawanan atau komunikasi yang terdapat di universiti tempatan atau luar negara.

Kerjaya itu bukan sahaja memerlukan kemahiran dan kreativiti malah merupakan proses intelektual untuk mendidik masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan negara.

Menyedari hakikat itu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Utusan Malaysia telah menganjurkan bengkel penulisan asas kewartawanan di kampus UPM di Gambang, Kuantan, Pahang baru-baru ini.

Bengkel selama dua hari yang diadakan itu disertai 42 peserta yang diberi pendedahan dalam menghasilkan berita atau rencana menggunakan bahasa yang ringkas, mudah, tepat dan padat.

Antara modul yang terkandung dalam bengkel itu ialah asas kewartawanan, pemikiran kreatif, penulisan rencana dan asas teknik foto.

Selain itu, melalui asas teknik foto semua peserta diberi pendedahan mengenai teknik yang betul mengenai fotografi dan grafik terutama dalam penerbitan surat khabar dan majalah.

Barisan penceramah yang



DR. Daing Nasir Ibrahim menyampaikan cenderahati kepada Rozaman Ismail pada bengkel penulisan asas kewartawanan di Kampus Gambang, Kuantan, baru-baru ini.



ZAINAL BAHARI
MIMI RABITA
ABDUL WAHID

bertanggungjawab mengendalikan bengkel tersebut terdiri daripada pengarang dan jurufoto berpengalaman dalam bidang kewartawanan dan penulisan.

Mereka terdiri daripada Pengarang Berita *Utusan Malaysia*, Rozaman Ismail; Pengarang Rencana *Utusan Malaysia*, Azman Anuar; Penolong Ketua Unit Grafik *Utusan Malaysia*, Abdul Rashid Aziz dan Ketua Unit Foto *Utusan Malaysia*, Syed Agil Syed Jaafar.

Utusan Malaysia turut mengundang penceramah khas daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Jaafar Abdul Rahim bagi menyampaikan ceramah dalam aspek mencipta pemikiran kreatif.

Turut hadir pada bengkel tersebut ialah Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengurus/Pengarang Pendidikan *Utusan Malaysia*, Wahid

Hashim.

Sementara itu, seorang peserta, Zainal Bahari, 34, berkata, pengisian bengkel berkenaan amat menepati objektif dan selaras dengan dunia penulisan masa kini.

"Pemilihan warga UMP terutama daripada kalangan pegawai yang terlibat secara langsung dalam penulisan buletin juga dilihat sebagai menepati sasaran."

"Ini kerana, sebagai sebuah gedung ilmu, kita memerlukan pengetahuan dan informasi terkini untuk disajikan kepada pembaca," katanya yang merupakan Pegawai Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan UMP.

Menurut Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Mimi Rabita Abdul Wahid pula, bengkel sedemikian amat bermanfaat dan perlu diadakan dengan lebih kerap bagi memantapkan lagi kemahiran penulisan.

"Selain itu, kita juga dapat memahami bidang kewartawanan dengan jelas dalam usaha mengeratkan hubungan antara UMP dan *Utusan Malaysia*," jelasnya.